

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keutamaan kerajaan dalam memberikan khidmat kesihatan kepada rakyat di kawasan Parlimen luar bandar dan miskin yang tiada kemudahan hospital seperti Bachok. Apakah faktor yang membolehkan pembinaan Hospital Bachok dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan mengutamakan masalah rakyat tanpa mengira tempat ataupun taraf hidup mereka.

Pembangunan Hospital Bachok (76 katil) telah diluluskan di dalam RMK-10. Kaedah pelaksanaannya adalah secara konvensional dimana rekabentuk perlu disiapkan sepenuhnya sebelum ditender. Bagi

mempercepatkan perancangan rekabentuk, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik perunding.

Pada masa ini rekabentuk akhir sedang dimuktamadkan bagi membolehkan projek ini ditender pada Ogos tahun ini.